

BAB 3

PERSOALAN PENGARAH ASING KHASNYA KESUSASTERAAN JAWA DAN HUBUNGANNYA DENGAN PERKEMBANGAN KESUSASTERAAN MELAYU

3.1. Teori Pengaruh: Suatu Pengenalan

Perkembangan sesebuah kesusasteraan mempunyai kaitan yang rapat dengan peranan yang dimainkan oleh pengaruh asing. Pengaruh sama ada yang bersifat 'inter' maupun 'intra' sebenarnya saling bertindak sekaligus, ataupun secara timbal balik (reciprocal) di dalam proses perkembangan kesusasteraan berkenaan. Biasanya pengaruh yang 'lemah' akan menerima pengaruh yang lebih kuat melalui proses-proses asimilasi, akulterasi, difusi, inovasi dan lainnya.

Proses ini berlaku kerana adanya interaksi suatu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Umpamanya seseorang individu yang keluar sementara (berdagang, menuntut ilmu dan seumpamanya) akan berinteraksi dengan masyarakat baru. Individu tersebut kemudian akan masuk semula ke dalam masyarakat asalnya membawa bersama nilai-nilai dan pengetahuan baru. Umpamanya dalam kajian Amin Sweeney mengenai wayang kulit Kelantan¹ menyebut bahawa seorang dalang iaitu Demukmin (Abdul Mukmin) pernah dihantar belajar wayang kulit ke Jawa pada tahun 1805. Selepas tujuh tahun kemudian beliau kembali dan menjadi dalang di istana-istana Kelantan. Dalang ini sudah pasti akan cuba mengolah semula cerita wayang

¹ .lihat Amin Sweeney. 1972. *The Ramayana and The Malay Shadow Play*. Penerbit UKM.Bangi.hal.21

kulitnya bagi disesuaikan dengan kehendak dan situasi masyarakat tempatan. Hal ini selaras dengan kenyataan Patricia Matusky yang menyebut;

"Back in their home settings, the Malays Dalangs continued to develop the Wayang Kulit Melayu style using a mixture of Javanese elements they had learned in Indonesia as well as the Malay features of shadow play found in their own village environments."²

Dengan kata lain, pengaruh-mempengaruhi akan sentiasa berlaku di dalam sesebuah masyarakat yang terbuka. Pengaruh-pengaruh yang diterima itu akan mengalami proses penilaian dan penyusunan semula, sehingga ambilan tersebut mungkin berubah dari segi bentuk, fungsi dan makna.

Sama seperti unsur kebudayaan lainnya kesusasteraan juga bukanlah merupakan sesuatu yang statik sifatnya. Ia sentiasa terdedah untuk menerima sesuatu pengaruh lain di dalam proses perkembangannya. Peranan dan proses sesuatu pengaruh yang masuk ke dalam sesebuah kesusasteraan adalah bersifat dinamik. Pengaruh seperti yang dibicarakan oleh Claudio Guillen³ bergerak dari suatu 'point' sumber (alam/bahan/karya) kepada suatu 'point' karya. Di dalam pergerakan tersebut terjadi pula proses-proses transmisi (pemindahan) dan reorganisasi (penyusunan semula) pengaruh tersebut. Di peringkat ini pengaruh 'point' sumber akan dipinda, disaring dan mungkin diberi suatu bentuk yang baru. Malah seringkali

².Patricia Matusky.1993.**Malaysian Shadow Play And Music: Continuity of An Oral Tradition**; Oxford University Press.K.L.hal.10

³. Claudio Guillen.1971.**Literature As System**.Princeton University Press. New Jersey.hal.17-53

pula akan diberikan pentafsiran yang berbeza sekali dari asalnya. Hal inilah yang menjadi tumpuan penulis dalam perbincangan pada bab IV. Pergerakan pengaruh tersebut dapat diringkaskan di dalam rajah di bawah:-

Rajah 1

SUMBER (A)----->----->----->-(B) KARYA

(proses transmisi dan reorganisasi)

Proses Gerak Pengaruh
Menurut Claudio Guillen⁴

Pancaran dan penyerapan unsur asing di dalam sesebuah karya dapat dikesan dan dilihat lazimnya kerana seseorang pengarang akan mengambil sesuatu yang wujud lebih awal hasil dari pembacaannya atau apa sahaja sumber pengetahuannya yang lain.⁵ Ringkasnya sastera sebenarnya bukanlah terhasil daripada vakum; juga bukan hasil kerja seorang individu, tetapi seorang pencipta yang pada waktu dan ruang yang tertentu sebagai seorang ahli masyarakat yang sedar dan bertanggungjawab.⁶ Dengan kata lain, pengarang mencipta sesuatu secara sedar dan tahu apa yang terbaik dan patut disajikan kepada masyarakatnya. Pendapat ini selaras dengan kenyataan Chauncey Sanders:

⁴.Sahlan Mohd. Saman.1986. **Sastera Bandingan: Teori, Konsep dan Amalan.** Fajar Bakti.P.Jaya.hal.80

⁵.ibid.

⁶.ibid.hal.23.

"Doubtless no book and no writer can be greatly successful without exerting some influence, but the influence may not be at all proportionate to the success"⁷

Di dalam perkembangan kesusasteraan Melayu persoalan kehadiran pengaruh asing ini memang tampak dengan jelas. Malah persoalan ini mendapat perhatian yang luas dan mendalam oleh para sarjana Barat mahupun tempatan. Persoalan ini timbul terutamanya apabila sarjana-sarjana tersebut meneliti dan mengkaji sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu yang memperlihatkan banyak persamaan dengan kesusasteraan luar.

Kajian R.O. Winstedt, **A History of Classical Malay Literature**⁸, misalnya merupakan salah satu kajian penting yang merumuskan bahawa setiap tahap perkembangan kesusasteraan Melayu dipengaruhi oleh kehadiran unsur-unsur asing. Pendapat beliau ini sering menjadi topik perbahasan di kalangan para sarjana. Namun begitu tidak kurang juga yang mengambil secara langsung pendapat beliau ini.

⁷.Chauncey Sanders.1952. **An Introduction To Research In English Literary History**.The Macmillan Co.New York.hal.207

⁸.R.O. Winstedt.1991 "**A History of Classical Malay Literature**". **MBRAS**.K.L.

Di dalam kajiannya ini, Winstedt telah membahagikan tahap perkembangan kesusasteraan Melayu klasik menurut pengaruh-pengaruh asing tertentu. Sastera rakyat dianggap oleh beliau sebagai tidak mengambil unsur-unsur asing kecuali unsur-unsur animisme yang sedia ada di dalam masyarakat. Ini kemudiannya diikuti oleh zaman Hindu-Buddha yang di dalamnya memperlihatkan dominasi pengaruh Hindu yang ketara sama ada di dalam karya sastera maupun budaya keseluruhannya.⁹

Kedatangan agama Islam ke Nusantara kemudian membawa satu perubahan baru di dalam perkembangan kebudayaan Melayu umumnya dan sastera khasnya. Kemasukan unsur-unsur Arab-Parsi ini telah membawa satu era baru dengan genre yang berbeza sifatnya dari genre-genre yang terdahulu. Misalnya pengaruh Arab ketara di dalam pembentukan genre syair. Cerita-cerita saduran dan terjemahan dari kisah-kisah yang berlaku di Tanah Arab juga semakin banyak. Karya-karya yang mengisahkan tentang pahlawan-pahlawan Islam dan kisah Nabi-nabi bukan hanya berfungsi sebagai wadah sastera tetapi sebagai alat untuk pengajaran dan penyebaran agama Islam.

⁹.lihat pembahagian oleh Winstedt terhadap sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu kepada tahap-tahap tertentu seperti; kesusasteraan rakyat; zaman Hindu; zaman peralihan dan zaman Islam dsb.

Secara amnya, pendapat Winstedt ini menunjukkan seolah-olah sesuatu pengaruh itu akan lenyap setelah kedatangan pengaruh yang baru. Umpamanya, beliau telah cuba membuktikan bahawa dengan kedatangan agama Islam telah melenyapkan pengaruh Hindu yang bertapak kukuh sebelumnya. Hal ini sudah tentu tidak dapat diterima kerana jika dikaji dengan lebih mendalam cereka-cereka Melayu yang lahir di zaman pengukuhan Islam seperti **SM** juga tidak dapat melarikan diri dari unsur-unsur Hindu tersebut.

Kesimpulan begini ternyata telah mendapat reaksi yang pelbagai dari sarjana lainnya. C.Hooykaas di dalam kajiannya terhadap cerita Rama Jawa yang berjudul **The Old Javanese Ramayana-Kakawin**¹⁰, cuba menunjukkan pengaruh asing yang tiba ke alam Melayu akan mengalami proses akulterasi dan penyesuaian apabila terjadi pertembungan di antara dua kebudayaan. Mana-mana unsur dari pengaruh itu yang sesuai dengan kebudayaan tersebut akan diterima malah dianggap sebagai hak mereka yang asli. Hal ini dapat diperhatikan terutamanya di dalam tradisi sastera Jawa. Unsur-unsur kebudayaan Hindu amat dominan mempengaruhi segala aspek kehidupan masyarakatnya. Malah kepercayaan segelintir masyarakatnya masih utuh terhadap agama itu sehingga kini. Oleh itu didapati unsur Hindu bukanlah sesuatu yang asing di dalam karya-karya sastera masyarakat tersebut. Malah ia dianggap sebahagian hak milik peribadi masyarakatnya. Contoh perubahan-perubahan pengaruh itu juga boleh ditinjau misalnya dalam kajian yang

¹⁰ .lihat C.Hooykaas.1955.**The Old Javanese Ramayana Kakawin;**
Martinus Nijhoff.S'Gravenhage.hal.3-5

dijalankan oleh Amin Sweneey ke atas wayang kulit di Kelantan¹¹. Umpamanya watak Semar, seorang penakawan Inu dalam cerita Panji diubah menjadi Wak Dogol dalam cerita-cerita Wayang Kulit Melayu.

3.1. PANCARAN PENGARUH JAWA-PANJI DALAM KESUSASTERAAN MELAYU KLASIK: HUBUNGANNYA DENGAN PERSOALAN KEPENGARANGAN MELAYU

Pengarang atau pencipta sesuatu karya kesusasteraan lazimnya tidak begitu mendapat tempat di mata pengkaji kesusasteraan. Teori-teori yang sering digunakan seperti formalisme, strukturalisme, fungsionalisme dan seumpamanya lebih merupakan teori-teori yang menekankan kepada karya semata-mata. Begitu juga persoalan kepengarangan Melayu tradisi juga kurang diperkatakan oleh sarjana awal mahupun yang terkini. Apatah lagi pengarang-pengarang Melayu tradisi seolah-olah 'menyembunyikan diri' di sebalik karya masing-masing.

Walau bagaimanapun persoalan kepengarangan Melayu telah diperkatakan secara umum oleh para sarjana yang lebih awal seperti Winstedt¹², Hooykaas¹³ dan lain-lain. Namun begitu, rata-rata hampir semua sarjana-sarjana awal ini menganggap pengarang-pengarang Melayu tidak mempunyai landasan dan

¹¹ op.cit.

¹² op.cit.

¹³ op.cit.

tradisi penulisan yang asli, yang benar-benar menjadi hak milik peribadi dan apatah lagi sesuatu yang boleh dijadikan sebagai lambang atau cerminan identiti mereka sendiri. Bagi mereka, pengarang Melayu tidak mempunyai jati diri.

Di dalam karya-karya kesusasteraan Melayu tradisi adalah amat sukar sekali untuk mengenali dan menentukan siapa sebenarnya pengarang-pengarang teks tersebut. Ini kerana seperti yang dinyatakan oleh Muhammad Hj. Salleh "pengarang Melayu hanya boleh ditemui di dalam teksnya sahaja".¹⁴ Kenyataan beliau ini bermaksud bahawa pengarang-pengarang Melayu hanya boleh ditemui dan dikenali setelah mendalami karya-karya tradisi serta memahami sistem kemasyarakatan orang-orang Melayu.

Hanya pada dekad-dekad mutakhir ini, para sarjana dari luar dan dalam mulai sedar betapa teks-teks sastera Melayu tradisi amat bernilai dan pemikiran di dalamnya memancarkan bagaimana sistem kepengarangan Melayu itu terbentuk.¹⁵

¹⁴ Muhammad Hj. Salleh.1989 **Puitika Sastera Melayu**. Penerbit UKM. Bangi.hal.25.

¹⁵ lihat dengan lebih lanjut Amin Sweneey(1980);St. Baroroh (1985); Muhammad Hj. Salleh (1989); A. Teeuw (1993) dan Noriah Taslim (1993)

Persoalan tersebut timbul akibat daripada tindakan pengarang Melayu yang tidak pernah meletakkan nama sebagai satu pengakuan dan sikap tanggungjawab mereka terhadap teks yang dicipta. Para pengkaji barat menganggap gaya ini sebagai tidak bertamadun kerana pengarang Melayu seolah-olah tidak berani bertanggungjawab terhadap apa yang telah dibuat. Namun begitu, kesimpulan yang melulu begitu sepatutnya tidak boleh dilakukan sebelum seseorang pengkaji sastera Melayu benar-benar memahami budaya dan pemikiran masyarakat Melayu tradisi.

Di dalam karya-karya kesusasteraan Melayu tradisi, khalayak lazimnya hanya menemui kata-kata yang menyebut bahawa cerita tersebut diceritakan oleh 'yang empunya cerita' atau 'dikisahkan orang' atau 'seperti yang diceritakan dalang' dan seumpamanya. Pengarang-pengarang Melayu dewasa itu tidak pernah mahu menonjolkan diri dan mengakui bahawa karya tersebut adalah ciptaan kreatifnya sendiri. Persoalan inilah yang banyak diperkatakan oleh sarjana kini dan mereka hampir sepakat mengatakan bahawa sistem global masyarakat Melayulah yang telah membentuk peribadi dan kepengarangan pengarang-pengarang Melayu.

Pengarang-pengarang Melayu tradisi dilingungi oleh anggota-anggota masyarakat yang menyakini bahawa segala sesuatu yang tercipta di dalam masyarakatnya adalah hak milik bersama semua anggota masyarakat tersebut. Karya sastera adalah sesuatu yang 'besar' dan 'bernilai' bagi masyarakat Melayu tradisi. Oleh itu ia tidak dapat menjadi hanya milik individu tertentu sahaja kerana ia dicipta untuk mencerminkan seluruh cara hidup dan pandangan nilai masyarakatnya.

Sesebuah karya sastera dicipta tidak bertujuan menunjukkan proses kreativiti dan keaslian kepengarangan seseorang pengarang secara peribadi tetapi ia adalah mewakili seluruh pandangan jagat masyarakat¹⁶. Ini kerana karya-karya tersebut dianggap sebagai suatu seni kemasyarakatan dan melambangkan peribadi masyarakat Melayu tradisi. Noriah Taslim dalam sebuah kajian pernah menyatakan bahawa;

"Dalam tradisi lisan, „penciptaan sastera bukan merupakan proses kreativiti individu yang bebas dan original, tetapi lebih merupakan penciptaan semula atau penjalinan semula fragmen, skemata-skemata (topoi)pusaka budaya, diyakini kemantapannya dan diterima kewibawaannya oleh kedua-dua khalayak dan pengarang"¹⁷

Ini berbeza daripada tradisi kepengarangan Jawa sama ada di zaman Jawa kuno mahupun di peringkat yang lebih terkemudian. Pengarang-pengarang Jawa dari kalangan pendeta-pendeta di kraton-kraton Jawa sentiasa cuba menonjolkan nama mereka di dalam karya-karya ciptaan mereka. Hal ini dilakukan sama ada secara terang-terangan dan ada juga yang menggunakan teknik-teknik tertentu misalnya menggunakan 'sandiasma'. Teknik ini digunakan oleh pengarang secara kreatif. Kebijaksanaan mereka terserlah melalui pemilihan kata-kata yang sesuai dan terbaik untuk diselitkan nama mereka tanpa disedari di dalam rangkap-rangkap kakawin. Ia diletakkan sama ada pada huruf atau sukukata pertama setiap

¹⁶ .Noriah Taslim.1993.**Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional;**
DBP.KL.hal.2

¹⁷ .ibid.

perkataan di dalam perkataan; setiap huruf atau sukukata pertama bagi perkataan-perkataan awal dalam bait, atau sebaliknya meletakkannya pada setiap sukukata akhir bagi perkataan-perkataan terakhir pada setiap baris rangkapan tersebut.

Contohnya boleh dilihat seperti petikan-petikan di bawah:-

- i) Kidung kadresaning kapti
yayah nglamong tanpa masa
ingan silarja jatine
sata samaptaptinya
raket rakiting ruksa
tahan tumaneming siku
karasuk sakeh kasrakat¹⁸
- ii) Rarasing tyas sanityasa tistis
denta mardawaning basa
ngayowara purwarane
bela belaning kalbu
inukara tan wrin ing westhi
rongkap gatining gita
ganitanirantuk
wartaning kang parotama
sinawung ing nirmala turangga jati
talitining carita¹⁹

Di dalam kedua-dua petikan di atas pujangga Raden Ngabei Ranggawarsita berjaya menggunakan teknik "sandiasma" ini untuk menyelitkan nama beliau sebagai pencipta karyanya. Dalam petikan (i) perkataan :Kyai Sarataka"

¹⁸ Noriah Mohamed .1989."Panji Jayengbaya: Penyelenggaraan dan Analisis Teks".Tesis Ph.D.Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.Kuala Lumpur.hal.83

¹⁹ ibid.hal.84

digunakan iaitu salah satu gelaran yang pernah dipakai oleh pengarang. Kemudian dalam petikan (ii) beliau dengan jelas meletakkan namanya sebagai pengarang pada suku kata pertama setiap perkataan pada awal baris iaitu "Raden Ngabei Ronggawarsita".

Sementara pada awal mukadimah **Kakawin Bharata-Yuddha** didapati pengarang ada menyebut bahawa puisi itu dicipta oleh Mpu Seddah:

"Demikianlah yang menjadi tujuan Mpu Seddah ketika ia berjasa dengan membuat cerita sejarah pada tahun Saka Sanga Cuddha Chandrama"²⁰

Kemampuan pengarang-pengarang Jawa kuno ini memperlihatkan satu unsur dan daya kebijaksanaan pendeta-pendeta Jawa. Walaupun mereka dilingkungi oleh masyarakat tradisi yang sering menuntut hak persamaan dan pemilikan bersama karya seni, mereka masih mampu untuk menonjolkan keperibadian yang tersendiri. Penguasaan pihak istana juga tidak begitu mencengkam bahu pengarang-pengarang ini. Walaupun begitu, mereka masih terikat dengan istana, bahkan istana memainkan peranan yang demikian penting dan sering menjadi sumber bagi penciptaan karya sastera sama ada secara sukarela (kerana mempercayai bahawa raja adalah bayangan tuhan) atau kerana dititahkan untuk tujuan mengangkat martabat dan kedaulatan istana.

²⁰ .R.M Sujipto Wirjosuparto 1972. **Kakawin Bharata-Yuddha**.
Bhratara.Jakarta.hal.185

Kelaziman penggunaan 'manggala' atau pembuka kata ini bertujuan untuk memuji dewa-dewa atau raja-raja yang memerintah. Hal ini dalam tradisi kepenggarangan Jawa adalah lanjutan dari pengaruh tradisi Hindu. Umpamanya 'manggala' yang ditulis oleh Mpu Seddah memuji-muji Raja Jayabaya dapat dilihat pada canto 1 dan 2 karangannya:

4. "Terimalah anugerah saya, yang saya beri kepada anakanda raja Jayabaya! Hendaknyalah ini didengar oleh seluruh negara. Berbahagialah kamu sebagai raja. Kecuali itu, hendaknya tetap bersatu jiwamu dengan saya, langsunglah kamu menjadi dewa di dunia"
6. "Sang raja mempunyai rupa seperti dewa matahari pada musim kemarau dan pelananya berupa rambut musuh dan mempunyai rupa seperti bulan pada waktu paro putih".²¹

Di dalam tradisi kepenggarangan Melayu tradisi gaya penggunaan mukadimah dapat dilihat pada karya Tun Seri Lanang, yakni **Sejarah Melayu**. Walaupun tujuannya hampir sama dengan karya-karya Hindu-Jawa tetapi dalam mukadimahnya Tun Seri Lanang tidak lagi mengemukakan pujian kepada dewa-dewa sebaliknya kepada kuasa yang lebih tinggi yakni Allah S.W.T. Tradisi ini juga dapat dilihat kepada pengarang-pengarang kitab sufi seperti Hamzah Fansuri, Shamsuddin As-Sumaterani dan Nuruddin Ar-Raniri. Tun Seri Lanang dalam mukadimahnya menyebut;

²¹ ibid.hal.184-185.

"Bi'smi'llahi'r-rahmani'r-rahim.

Alhamdu li'lлаhi'l-ladzi la ilaha illa huwa, wa kana fi'l-azali wa la shay'a ma'ahu. Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan yang tiada Tuhan hanya Ia, dan adalah Ia pada azal; tiada sesuatu juapun sertanya..."²²

Mukadimah yang ditemui beratus tahun sebelum penggunaan pengenalan nama seperti yang digunakan oleh Abdullah Munsyi adalah dari pengaruh Islam. Walaupun mungkin umat Melayu mengenali kesusasteraan Jawa sebelum kedatangan dan mendalamnya pengaruh Islam di dalam diri umat Melayu trasidi, hal ini tidak mempengaruhi minda pengarang Melayu untuk meniru cara tersebut. Sebaliknya hanya setelah Islam bertapak kukuh, pujangga-pujangga seperti Tun Seri Lanang, Hamzah, Shamsuddin dan Nuruddin mulai memperkenalkan mukadimah dalam gaya yang baru sebagai menunjukkan rasa pertanggungjawaban mereka terhadap apa yang ditulis oleh mereka. Dengan menuliskan nama mereka sebagai pencipta karya telah menunjukkan mereka menyedari hak mereka dan mengakui bahawa karya kesusasteraan yang baik adalah karya sastera yang berakhlik.²³

²² .W.G Shellabear.1991.**Sejarah Melayu**.Fajar Bakti.P.Jaya.hal.1

²³ .lihat perbincangan S.Naqib Al Attas.1991.**Islam Dalam Sejarah dan Tamadun Melayu**.ABIM.Petaling Jaya

Dalam situasi masyarakat tradisi yang separa tertutup itu, sifat kolektif terhadap semua hasil seni adalah amat ketara. Karya sastera dicipta bukan hanya untuk dinikmati bersama bahkan untuk juga dimiliki bersama. Setiap ahli dalam masyarakat Melayu tradisi mempunyai hak yang sama terhadap karya tersebut. Oleh itu karya-karya tersebut tidak dapat lari dari dipinda oleh anggota masyarakat itu dengan penyesuaian untuk tujuan-tujuan tertentu. Oleh kerana itu juga sering ditemui pelbagai versi bagi sesuatu cerita atau membaca cerita-cerita yang hampir-hampir sama antara satu dengan yang lain walaupun judulnya berbeza. Penambahan atau pengurangan ataupun olahan semula sesuatu cerita tersebut dilakukan oleh ahli-ahli masyarakat tersebut bagi menyesuaikan cerita itu dengan situasi dan juga khalayak yang mendengar cerita tersebut. Dalam hal ini cerita Panji juga mengalami nasib yang sama kerana disalin oleh ramai pengarang. Ini tergambar melalui jumlah versi yang pelbagai bagi satu-satu judul. Umpamanya kisah **Syair Ken Tambuhan** dan **Hikayat Andaken Penurat** yang mempunyai tokoh dan jalan cerita yang sama; yang membezakan keduanya hanyalah dari segi panjang-pendek struktur penceritaan dan cara peleraian. Di dalam hal ini teks yang pertama itu adalah merupakan versi yang lebih pendek yang diambil dari fragmen teks yang kedua.

Begitu jugalah yang terjadi kepada ceritaa-cerita Panji yang masuk ke alam Melayu dan Nusantara lainnya. Penyalin atau penyadur (dalam erti kata pengarang zaman tradisi) Melayu menganggap 'sesuatu' yang datang ke dalam budaya mereka perlu disaring dan ditapis mengikut kehendak dan nilai etika

masyarakat kerana mereka menyedari bahawa anggota masyarakat mungkin menolak karya tersebut sekiranya terdapat nilai-nilai etika khasnya dan estetika umumnya, yang tidak bersesuaian atau tidak mengikut ketetapan-ketetapan tertentu.

Estetika bagi masyarakat Melayu adalah sesuatu yang subjektif kerana unsur tersebut tidak dapat diukur secara konkret, berdasarkan bentuk atau gaya semata-mata. Sesuatu yang dianggap dapat mengharmoniskan khalayak (masyarakat) adalah sesuatu yang indah. Tuntutan bahawa sesebuah karya yang baik harus memenuhi nilai moral yakni mengandungi unsur-unsur didaktik adalah amat dipentingkan. Ini selaras dengan konsep kesusasteraan yang dipegang oleh ahli masyarakat Melayu iaitu sesebuah karya sastera memiliki bukan hanya keindahan bahasanya tetapi juga baik dari segi isinya serta dapat pula memberi faedah.

Sastera tradisi dalam masyarakat begini lebih banyak bersifat lisan kerana kebanyakan anggotanya masih merupakan manusia yang tuna aksara. Sementara itu karya yang telah ditulis juga masih mempertahankan sifat-sifat kelisanannya seperti memasukkan unsur-unsur puisi serta mementingkan pilihan kata yang mampu menimbulkan rima atau irama. Ini kerana hanya segelintir anggota masyarakat mampu menikmatinya melalui pembacaan, manakala yang selebihnya lebih merupakan para pendengar yang setia.

Cerita-cerita Panji dalam hubungannya dengan kepengarangan Melayu berkemungkinan melalui proses yang sama. Memang disedari bahawa cerita ini telah masuk ke alam Melayu secara lisan sama ada melalui permainan wayang yang dimainkan oleh imigran-imigran Jawa atau dalang-dalang yang dijemput ke istana-istana. Cerita-cerita ini diperdengarkan atau dipertontonkan kepada khalayak di majlis-majlis keraian.

Pujangga-pujangga Melayu yang mendengar atau menikmatinya tentu dapat merasa nilai seni dan keindahan yang ada pada cerita tersebut. Keindahan yang mampu menarik perhatian masyarakat Melayu bukan hanya terletak pada kisah cinta Inu dan Galuh tetapi dalam keadaan sedar, pengarang Melayu menyadur cerita ini kerana nilai-nilai pengajaran yang ada di dalamnya.

Ini diperkuahkan lagi kerana cerita-cerita Panji mempunyai fragmen yang hampir sama dengan cerita-cerita lisan dan hikayat yang sedia ada di dalam khazanah kesusastraan Melayu klasik. Pola ceritanya yang mengisahkan tentang percintaan dan pengembalaan watak-watak wira dan juga wirawati yang cekal dan berani amat memberangsang naluri ingin tahu khalayak. Unsur-unsur peperangan yang mampu menegangkan perasaan sering dikendurkan oleh jenaka-jenaka para penakawan. Khalayak tradisi akan merasa lebih terhibur seandainya wira dan wirawati ini digambarkan mendapat kejayaan dan hidup bahagia.

Ciri-ciri yang dimiliki oleh cerita Panji tersebut menjadikannya mudah diterima oleh masyarakat Melayu tradisi. Oleh itu pengarang Melayu dewasa itu tidak merasa ragu untuk mengambilnya sebagai menambah satu lagi genre sastera ke dalam khazanah yang sedia ada.

Kemasukan unsur-unsur asing ke dalam ciptaan-ciptaan seni masyarakat tradisi bukanlah sesuatu yang janggal. Kehadiran unsur-unsur Hindu-Jawa, Islam dan seumpamanya perlulah dilihat dan dikaji dari sudut pandangan manusia Melayu tradisi sendiri. Teori-teori dan andaian sarjana Barat seperti yang telah dibincangkan di atas tidak lagi boleh dijadikan landasan mengkaji kesusasteraan Melayu tanpa mendalami dan mengenali siapa sebenarnya manusia Melayu. Di dalam kajian-kajian yang melibatkan manusia Melayu tradisi, harus disedari bahawa kemasukan unsur-unsur tersebut secara serpihan maupun total adalah dibuat atas landasan-landasan tertentu yang telah ditetapkan oleh semua ahli masyarakat.

Kemasukan unsur-unsur tersebut ke dalam tek-teks Melayu klasik disusun mengikut ketetapan yang dikehendaki oleh masyarakat zaman itu. Pengarang tidak memasukkan cebisan atau episod-episod tertentu secara membutatuli seperti yang didakwa oleh sarjana Barat. Pengkaji-pengkaji tempatan telah membuktikan bahawa tanggapan sedemikian adalah salah kerana pengarang Melayu memasukkan sesuatu unsur tertentu secara sedar dan setiap unsur yang dipinjam itu

sama ada telah dipinda mahupun tidak, mempunyai fungsi dan kesannya terhadap penceritaan.²⁴

Umpamanya Tun Seri Lanang dan pengarang HHT mengambil episod episod Majapahit dan kemudian digagungjalinkan ke dalam karya-karya mereka dengan tujuan-tujuan yang hampir sama. Pertamanya untuk menimbulkan kehebatan bagi pihak orang-orang Melayu yang kagum dengan hulubalang-hulubalang mereka yang mampu mengalah hulubalang-hulubalang Majapahit yang memang telah dikenali dalam masyarakat Melayu tradisi. Sekaligus dapat menaikkan semangat masyarakat Melayu dan mampu meyakinkan mereka untuk meyakini diri sendiri. Seterusnya pertentangan ini juga dapat menaikkan martabat raja-raja Melayu dan sekaligus negara kota Melayu, Melaka khasnya.

Dari segi logiknya pertembungan ini juga perlu kerana dari sudut psikologi adalah sesuatu yang amat memalukan sekiranya seseorang yang kuat dipertentangkan dengan musuh yang lemah. Wira yang handal hanya layak dipertentangkan dengan lawan yang gagah dan negara kota yang gemilang pula hanya layak dibandingkan dengan empayar yang pernah gah dalam sejarah.

²⁴ .lihat kajian-kajian misalnya ke atas **Hikayat Hang Tuah** oleh Sulastin Sustrisno atau eseи-eseи S. Othman Kelantan dalam siri "Yang Tersirat" **Dewan Sastera** yang menekan fungsi setiap unsur dalam cereka.

Tradisi mencatatkan puji-pujian itu tidak ada bezanya dalam kesusasteraan Melayu, cuma pujangga-pujangga Melayu tampak kukuh memegang etika bahawa sesuatu karya seni tidak boleh dimiliki oleh individu tertentu hatta rajanya sekalipun. Oleh kerana itu sering ditemui ungkapan-ungkapan yang merujukkan karya tersebut kepada zaman yang lebih awal. Hal ini dilakukan dengan menyusurkannya kepada generasi yang lebih awal, leluhur masyarakat tersebut malah ke peringkat yang ke peringkat yang lebih tinggi iaitu dewa-dewa kayangan atau tuhan²⁵

- i) Sebermula tersebutlah kisah di kayangan
- ii) Alkisah inilah cerita yang diceritakan oleh yang empunya cerita
- iii) Sekali sepertua ada seorang raja keinderaan.
Raja ini terlalu besar kerajaannya;...
- iv) WABIHI NASTAINU BILLAHI. Inilah hikayat orang dahulukala.

Kepercayaan yang kukuh dalam minda orang-orang Melayu bahawa karya-karya seni terutama yang menceritakan tentang raja-raja adalah sesuatu yang suci. Oleh kerana itulah pernyataan-pernyataan seperti di atas sering ditemui dalam cerita-cerita Melayu tradisi.

²⁵ .untuk lebih lanjut sila lihat Md. Salleh Yaapar. 1989. "Minda Melayu Dalam Cerita-cerita Melayu Tradisional" dalam **Dewan Sastera**. Disember hal.41-43

Walaupun pengarang-pengarang Melayu terutamanya di zaman tradisi lisan dan separa tulisan tidak pernah meletakkan tanda pengenalan bagi diri mereka, tetapi umumnya mereka masih lagi menggunakan sumber rujukan tertentu untuk meletakkan karya tersebut pada tempatnya. Ternyata dalam hal ini sumber rujukan mereka ialah leluhur nenek moyang atau dewa kayangan yakni tempat yang dianggap sebagai paling wajar untuk merujuk. Sumber-sumber ini dirasakan lebih berhak dan bertanggungjawab untuk mempengaruhi kehidupan manusia tradisi.

Dalam situasi masyarakat yang agak tertutup seperti itu pengarang-pengarang Melayu tidak dapat menghindarkan daripada terikat dengan lingkungan tradisi. Pengarang-pengarang tradisi hanya mewarisi sistem nilai yang telah menentukan batasan-batasan dan caragaya dalam penulisan karya sastera. Pengarang-pengarang ini harus mengikut landasan-landasan dan bentuk-bentuk yang ditetapkan.²⁶

Berhubung perkara ini keaslian atau ketulenan sesuatu karya dalam masyarakat tradisi sebenarnya tidak boleh diukur dari sudut makna 'keaslian' yang difahami dan didokong oleh masyarakat moden. Dalam masyarakat kini sesuatu ciptaan dianggap tulen sekiranya merupakan hasil kreativiti seorang karyawan tanpa dipengaruhi oleh karya-karya sebelumnya. Dalam kata lain karya tersebut mampu memancarkan identiti pengarang itu sendiri.

²⁶ .lihat pembicaraan tentang fragmen-fragmen sastera Melayu tradisi oleh Noriah Taslim;op.cit;bab II

Sebaliknya konsep tersebut berbeza dalam masyarakat Melayu tradisi.

Ini kerana sesebuah karya hanya akan dianggap tulen sekiranya pengarang mampu atau seboleh mungkin dapat mendekati bentuk-bentuk sedia ada dan memenuhi kriteria-kriteria tertentu, yakni seperti yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Penentuan aturan penciptaan karya seperti ini dapat memberikan beberapa kesimpulan. Pertama di satu pihak terlihat betapa pengarang-pengarang Melayu seolah-olah tidak dapat bergerak bebas untuk menunjukkan bakat seni dan kreativiti mereka dalam berkarya. Sementara di pihak yang lain memperlihatkan pegangan kukuh pujangga-pujangga ini terhadap etika berkarya masyarakat tradisi. Namun dalam situasi dan suasana yang sebegini mereka masih berupaya menonjolkan keupayaan dan kebijaksanaan mereka mengolah cerita dalam fragmen-fragmen yang jitu itu.

Sistem etika dan nilai masyarakat yang ketat sudah tentu menyukarkan pengarang Melayu mencurahkan sepenuhnya bakat seni dan hasil kreativiti yang ada pada diri mereka. Walaupun begitu daripada analisis yang telah dibuat pada bab keempat, dapat dilihat bahawa walaupun mempunyai lingkungan tradisi yang kukuh, pengarang Melayu sebenarnya masih mampu mencipta sesuatu yang baru dan dapat diterima oleh masyarakat. Analisis-analisis tersebut memberikan kesimpulan bahawa pengarang-pengarang Melayu masih mampu mengolah dan menyesuaikan persoalan-persoalan yang didapati dari sumber-sumber luar secara bijaksana.

Kemampuan mereka mengadunkan semula cerita-cerita dari sumber luar ini untuk diberi bentuk dan tafsiran yang baru mengikut kehendak etika dan pandangan jagat ahli masyarakatnya adalah sesuatu yang unik dan mengagumkan. Ini memperlihatkan bahawa pengarang Melayu mengetahui haknya dan menggunakan sepenuhnya bakat yang ada pada mereka dalam situasi yang tersebut. Pengarang-pengarang **SSZ, SA** dan **SDS, SM** serta **HHT** mampu dan berupaya menonjolkan kekreatifan masing-masing, walaupun di masa yang sama mereka seolah-olah dibayangi oleh kesusasteraan luar, khasnya Jawa dalam konteks perbincangan ini.

Selama ini bertahun-tahun sarjana Barat (malah sarjana tempatan sendiri) percaya dan berpegang kepada teori-teori Winstedt dan lain-lain; yang sering mempersoalkan kemasukan pengaruh asing sebagai bahan luar dari karya kesusasteraan Melayu. Mereka malah sering membuat tanggapan bahawa pengarang-pengarang Melayu hanya tahu mencedok (menciplak) sumber-sumber tersebut untuk dimasukkan ke dalam karya.

TSL dan pengarang **HHT** umpamanya banyak sekali mengutip sumber-sumber luar terutamanya dari kebudayaan dan kesusasteraan Jawa. Pengadunan dan pengolahan semula dengan memberi tafsiran dan fungsi yang baru terhadap episod-episod tersebut telah menjadikannya sebuah kisah yang baru. Bagi orang yang baru mengenali sastera Melayu atau terpengaruh dengan propaganda teori-teori dari Barat, maka segala unsur yang dimasukkan oleh Tun Seri Lanang atau

pengarang HHT hanya akan dianggap sebagai 'sampah-sarap' yang hanya mencacatkan jalan cerita.

Begitu juga pengarang **Syair Agung** yang menggunakan sepenuhnya sumber dari **Hikayat Seri Rama** dan juga cerita-cerita Panji telah mengolahnya menjadi salah sebuah karya tradisi yang terbaik. **SDS** pula mengambil bentuk sastera hikayat dan sastera rakyat yang ada dalam tradisi masyarakat Melayu untuk digabungkan dengan unsur-unsur cerita Panji bagi menimbulkan keunikannya. Selain itu, yang paling menarik adalah **SSZ** yang penulis anggap sebagai sebuah pengadunan terbaik antara unsur-unsur luar (Jawa-Panji dan Islam) dengan unsur-unsur tempatan seperti sastera rakyat , sastera hikayat dan lain-lain.

Dalam hal ini, penulis mendapati karya ini dicipta seolah-olah untuk dipertentangkan dengan cerita Panji itu sendiri, khasnya dari sudut perwatakan wira dan wirawatinya. Ia juga bertujuan mengangkat martabat agama Islam bagi mengenepekan unsur-unsur Hindu dalam budaya Melayu.

Walaupun kebanyakan unsur asing dimasukkan secara total ke dalam karya kesusasteraan Melayu, ia masih dilakukan mengikut landasan yang telah ditetapkan oleh ahli masyarakat. Oleh kerana itu didapati bahawa kebanyakan karya tersebut merupakan penyesuaian semula terhadap bentuk-bentuk sedia ada. Seperti yang telihat dalam perbincangan pada bab keempat kajian ini, walaupun pengarang boleh melakukan perubahan tetapi ia tidaklah dilakukan secara drastik atau secara

revolusi. Ini kerana pengarang Melayu tradisi menyedari bahawa sebarang perubahan yang dibuat secara mendadak hanya akan menimbulkan masalah kerana berkemungkinan tidak akan diterima oleh masyarakatnya sebab bentuknya telah dianggap terkeluar daripada landasan yang telah ditetapkan oleh ahli masyarakat tersebut.

Dalam tradisi masyarakat yang sebegini, yakni masyarakat yang menyakini bahawa semua karya seni adalah hak milik bersama, maka tidak ada istilah mencedok atau mengambil hak orang lain. Situasi yang begini telah mengizinkan pengarang mengambil atau menyalin secara mutlak satu-persatu episod-episod tertentu tanpa dihantui oleh rasa bersalah kerana menciplak.

Keaslian sesuatu karya bagi masyarakat tradisi, bukanlah terletak kepada keunikan atau pembaharuan yang dibawa oleh pengarangnya, tetapi keaslian tersebut akan dinilai dari sudut sejauhmana pengarang-pengarang ini dapat memenuhi atau menyesuaikan karya ke dalam bentuk yang telah ditetapkan itu. Ketetapan yang dicapai oleh pengarang-pengarang ini sewaktu menyesuaikan jalan cerita dengan bentuk-bentuk tersebutlah yang dianggap sebagai suatu ketulenan.